

Rujukan Kami : HR/RESB/2017/06

Untuk makluman kepada semua pihak,

Kepada Tuan/Puan,

PER: NOTIS MAKLUMAN KENAIKAN HARGA MINUMAN BOTANI SE7EN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas berhubung kenaikan harga jualan runcit minuman botani SE7EN dan pelaksanaan GST ke atas Syarikat Rayt Enterprise Sdn Bhd berkuatkuasa pada 01 Julai 2017. (No.GST : 001973792768)

2. Pihak Rayt Enterprise Sdn. Bhd. telah mendapat arahan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 01 Julai 2017. Selain itu, seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, harga jualan runcit minuman botani SE7EN tidak pernah berubah sejak dari produk ini dikeluarkan pada tahun 2014 (lebih dari 3 tahun). Sehubungan dengan kenaikan harga barangan mentah seperti madu, halia, bawang putih, cuka epal dan lemon, maka pihak Pengurusan Rayt Enterprise Sdn Bhd dengan rendah hati mengambil keputusan untuk menaikkan harga jualan runcit minuman botani SE7EN.

3. Bersama-sama ini disertakan jadual yang menunjukkan harga baru bagi produk minuman botani SE7EN bagi Premium 7 (P7), Single 7 (S7), Baby 7 (B7), harga baru bagi Peruncit.

No.	Produk	Harga Lama (RM)	Harga Baru (RM)	Perbezaan Harga (RM)
1.	P7 (3 X 300ml)	RM133.00	RM145.00	RM12.00
2.	S7 (1 X 300ml)	RM50.00	RM55.00	RM5.00
3.	B7 (3 X 60ml)	RM30.00	RM33.00	RM3.00
4.	Retailer (Sekaton)	RM850.00	RM927.00	RM77.00

4. Kerjasama Tuan/Puan adalah amat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi terus ke pejabat urusan Rayt Enterprise Sdn Bhd di talian 011-17230547 / 0546 / 0554

Sekian, terima kasih.



.....
FARAH MARIA
Pengarah